

PENDIDIKAN DAN SOSIALISASI
KANAK-KANAK
BUTA
SATU KAJIAN KES
DI-SEKOLAH PRINCESS ELIZABETH
(SEKOLAH BAGI KANAK-KANAK BUTA)
JOHOR BAHRU

Oleh

Tajuddin Hussein

Perpustakaan Universiti Malaya



A515850299

Universiti Malaya

1970

6 JUN 1995

PERPUSTAKAN
JABATAN PENGAJIAN MELAYU

K A N D O N G A N

	Halaman
PENGHARGAAN	v
KANDONGAN	viii
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xii
Senarai Gambar	xiii
Bab I	
PENDAHULUAN dan LATAR BELAKANG	1
Tujuan - Chara - Kesulitan - Sample untok Jeneralisasi	
Latar Belakang Murid-murid	11
Latar Belakang Sekolah	21
Bab II	
EJEN-EJEN dan CHARA-CHARA SOSIALISASI	29
a) Kemudahan Tempat Tinggal	29
dan Tempat Belajar	
Asrama - Bilek Rehat - Bilek-bilek	
Darjah - Anyaman - Pertukangan -	
Bilek Taip - Dewan - Bilek Makan dan	
Dapor - Bilek Sakit - Bilek Rakaman -	
Bilek Perpustakaan - Surau	
b) Kemudahan Pelajaran dan Keperluan Diri	37
Kertas Braille dan Brailon -	
Thermoform - Hand Frame, Taylor Frame	
dan Stylus - Braillewriter dan Type-	
writer - Peta dan Gambar-rajah -	
Buku-buku Teks - Segala Perbelanjaan	
Kelengkapan Diri	
c) Kemudahan Personnel	42
Pemangku Pengetua - Kerani	
i) Kaki-tangan Domestik	46
Matron - Ketua Pembantu Rumah	
Pembantu Dispenseri	

ii)	Pekerja-pekerja Domestik	50
	Tukang Jahit - Tukang Masak -	
	Tukang Kebun - Tukang Sapu -	
	Drebar - Jaga - Tukang Gunting	
iii)	Ibu Asrama (House Mothers)	53
iv)	Guru	57
v)	Sukarelawan (Voluntary Workers)	61

Bab III

PROSES PENYEBADIAN (INTERNALISATION)	63
Proses Penyebadian di-Kampung - Sikap	
Kanak-kanak Buta Ketika Masok Sekolah	

Bab IIIA

PELAJARAN	68
Bahasa Penghantar dan Bahasa Perantaraan -	
Sistem Braille dan Pendekan	
a) Pelajaran Tambahan	73
	Berkebun Sayor - Kelas Pertukangan -
	Kelas Menganyam Rotan dan Plastik -
	Kelas Taip - Kelas Jahitan -
	Pelajaran Musik - Kelas Malam
b) Orientasi Mobiliti	82
	Lawatan Sambil Belajar
c) Pelajaran Ugama	86

Bab IIIB

PENDIDEKAN	88
Pakaian - Makan - Mandi -	
Kechekapan di-Tandas - Tempat Tidur	
Membasoh Pakaian - Menyapu dan Berkemas	
Menggosok Baju - Menjahit - Mobiliti	

Bab IV

PERGAULAN dan PENYESUAIAN SOSIAL	95
a) Sikap Ibu Bapa	97
	Sikap Memberi Pertolongan -
	Sikap Benchi - Hasil Pergaulan dan
	Penyesuaian Sosial Di-kampung
b) Pergaulan dan Penyesuaian Berasas	
	Kapada Penglihatan
c)	

c)	Kedatangan Murid Baharu	109
	Pergaulan di-bilek Darjah -	
	Pergaulan di-asrama - Sa-waktu Makan -	
d)	Sistem Ketua Murid (Prefect System) -	119
	Pergaulan Ketika Bermain	
e)	Kelab Sosial	123
	Kelab Chatur - Kelab Musik - Aktiviti	
	Aktiviti Pengakap, Pandu Puteri,	
	Anak Serigala dan Brownies	
f)	Lawatan Sambil Belajar	130
	Pergaulan dengan Murid-murid Chelek -	
	Pergaulan sa-masa Berkelah -	
	Pergaulan di-dalam Majlis -	
	Pergaulan sa-waktu Sembahyang -	
g)	Pergaulan dengan Guru	
	dan Kaki-tangan Sekolah	136
h)	Pergaulan sa-masa Sukan	140
i)	Pergaulan dengan Orang-orang Luar	142

Bab V

HARAPAN dan PEKERJAAN	152
Sekolah Perchantuman	153
Gurney Evaluation & Adjustment	
Training Centre (G.E.A.T.C.)	156
Pusat Latihan & Bengkel Lembah Kinta	158
Taman Harapan	160
Bengkel Orang-orang Chachat	160
Bekerja Sendiri	161
Rancangan Kerja di-rumah - Elaun	
Penambah Pendapatan	162
Harapan untuk Berumah Tangga	163
Kesulitan	165

Bab VI

KESIMPULAN dan PENUTUP	167
LAMPIRAN	184
Bibliografi	256

Senarai Jadual

Jadual		Halaman
I	Peratus kanak-kanak buta dari Malaysia Timor dan Barat yang terdaftar awal 1970 di-Sekolah Princess Elizabeth.	13
II	Penyibaran kanak-kanak buta di-negeri-negeri Malaysia Barat seperti yang terdaftar di-Sekolah Princess Elizabeth, Johor Bahru.	15
III	Pendapatan sa-bulan Ibu Bapa murid-murid Sekolah Princess Elizabeth mengikut jumlah keluarga dan hitungan peratus.	17
IV	Klasifikasi Pekerjaan Ibu Bapa	18
V	Peratus Keluarga murid-murid buta di-Sekolah Princess Elizabeth yang mempunyai anak dari sa-orang hingga 15 orang.	19
VI	Perbezaan Buku Braille dan Buku Biasa dari beberapa aspek dengan mengambil Buku Pelajaran Bahasa Kebangsaan untuk Darjah V sa-bagai perbandingan.	41
VII	Bilangan Murid, Guru, Kerani dan Kaki-tangan Domestik Sekolah Princess Elizabeth.	43
VIII	Bilangan dan Tugas Kaki-tangan domestik Sekolah Princess Elizabeth.	46
IX	Bilangan Guru-guru mengikut Jenis dan Kaum di-Sekolah Princess Elizabeth tahun 1970.	59
X	Peratus kanak-kanak buta yang menerima Didekan dari Keluarga dan Orang lain di-kampong.	65
XI	Sikap kanak-kanak buta di-Sekolah Princess Elizabeth kepada Keluarga apabila di-rumah.	66

XII	Peratus kanak-kanak yang nampak sedikit (partially blind) dan tidak nampak apa-apa langsung (totally blind).	97
XIII	Perasaan takut kanak-kanak buta terhadap Guru dan Kaki-tangan sekolah.	138
XIV	Layanan yang di-ingini oleh kanak-kanak buta.	148
XV	Perasaan Kanak-kanak Buta di-Sekolah Buta di-dalam keadaan Mereka Sekarang.	151
XVI	Harapan untuk Berumah Tangga dan Pilihan Jenis Suami/Isteri.	163
XVII	Klasifikasi Pekerjaan Orang-orang Buta Mengikut Bilangan Pekerja.	181
Senarai Rajah dan lain-lain		
Rajah I	Penyibaran Jenis Murid-murid di-Malaysia Timor dan Barat Pada Awal Tahun 1970.	13
Rajah II	Peratus Murid-murid dari Berbagai Suku Kaum.	114
Rajah III	Struktur Kedudukan Personnel di-Sekolah Princess Elizabeth.	44
Graph:	Graph Pendaftaran Mengikut Bilangan Murid-murid dan Tahun Pendaftaran 1948-1970.	24
Banchi:	Banchi Bilangan Murid-murid bagi bulan April, 1970.	28

Senarai Gambar

		Halaman
1.	Batu Telapak Sekolah Princess Elizabeth.	22
2.	Sa-orang Murid Buta Mengasah Pahat di-bantu oleh Guru-nya.	32
3.	Membaca Buku di-Perpustakaan.	36
4.	Alat-alat Belajar di-sesuaikan dengan chara sentuhan indera.	39
5.	Matron Melatih Kanak-kanak yang Lemah Anggota dalam Latihan Jasmani	47
6.	Sa-orang Ibu Asrama menunjokkan kepada Kanak-kanak Buta Chara-chara Menggosok Pakaian.	54
7.	Sa-orang Kanak-kanak Buta Meraba Sa-ekor Berok di-dalam Pelajaran mengenal binatang-binatang tempatan.	69
8.	Petani-petani Kechil di-Kebun Sayor.	75
9.	Sa-orang Guru Buta Mengajar Murid-nya Menganyam Bakul.	77
10.	Murid-murid Buta sedang Belajar Menaip.	79
11.	Sa-orang Guru Sedang Mengajar Sa-orang Murid Buta Chara Menjahit.	80
12.	Latihan Berjalan Menggunakan Tongkat Putih di-satu Tempat yang Sibok di-Johor Bahru.	83
13.	Mendengar Penerangan Pengurus Sa-buah Ladang Kelapa Sawit.	85
14.	Kanak-kanak Buta di-dalam Latihan Jasmani di-Dewan Sekolah Mereka.	106
15.	Bermain Anak-anak di-Bilek Rehat Asrama.	115

16.	Kanak-kanak ini Menchuchi Pinggan Sa-lepas Makan, Mengikut Giliran.	119
17.	Kagiran Kanak-kanak Buta Sekolah Princess Elizabeth The Braille Dots yang selalu mendapat undangan dan kemenangan.	126
18.	Satu Perjumpaan Pengakap, Pandu Puteri, Anak Serigala dan Brownies Di-Dewan Sekolah Princess Elizabeth.	128
19.	Lawatan ka-sabuah Kelang Getah di- Teberau, Johor Bahru.	130
20.	Berkelah di-Jasons Bay 29-8-70.	132
21.	Berjuma'ah di-Surau Sekolah Princess Elizabeth di-perhatikan oleh Ustazah.	136
22.	Kanak-kanak Buta Sedang Mengambil Bahagian Di-dalam Sukan Sekolah Mereka yang keXI.	141
23.	Sa-orang Kanak-kanak Buta Bergaul Dengan Anggota Masharakat Chelek sa-masa membeli setem di-Pejabat Pos, Johor Bahru.	145
24.	Gambar Sa-orang Pekerja di-Kelang Sedang membuat pekerjaan-nya.	157

BAB I

P E N D A H U L U A N

D A N

L A T A R B E L A K A N G

Orang-orang buta mempunyai hak yang sama untuk hidup seperti orang-orang chelek kerana mereka juga ada-lah anggota masyarakat. Mereka tidak pernah meminta di-butakan tetapi suratan takdir telah pun menentukan. Ada di-antara mereka menjadi buta sejak lahir dan ada juga di-antara mereka telah hilang penglihatan di-sebabkan oleh penyakit atau kecederaan yang menimpa diri sa-telah mereka lahir ka-dunia ini.

Orang-orang buta ada-lah di-antara orang-orang cha-chat yang mendapat perhatian dari pihak kerajaan dan badan-badan awam serta persatuan-persatuan sukarela. Usaha-usaha untuk memulehkan kehidupan mereka supaya dapat mereka hidup di-samping orang-orang chelek telah banyak di-jalankan. Pihak Kerajaan Perikatan dalam manifesto-nya memberi hak menerima pelajaran kepada semua kanak-kanak sa-hingga mereka berumur 15 tahun.⁽¹⁾ Dalam Penyata Malaysia yang di-kemukakan oleh Che' Constance White, Ketua Penyelia Pelajaran Khas Kementerian Pelajaran Malaysia di-Persidangan Asia yang Ketiga,

(1) Alliance Manifesto '69, An Even Better Deal For All, Kuala Lumpur, Malaysia: Alliance Headquarters, 1969, hal. 30 para 74.

mengenai Pekerjaan untuk Orang-orang Buta, beliau menyatakan dari seluruh peruntukan bagi pelajaran orang-orang chachat lebih dari separoh ada-lah di-belanjakan khas untuk orang-orang buta. Peruntukan ini di-bahagi di-antara Sekolah Princess Elizabeth dan Sekolah St. Nicholas di-Pulau Pinang, kedua-dua-nya sekolah bagi kanak-kanak buta bagi darjah rendah, dan pusat-pusat latihan, unit-unit perchetakan braille di-Kuala Lumpur juga perbelanjaan untuk alat-alat Sekolah Perchantumen (Integrated Programme)⁺ dan perbelanjaan lain. Perbelanjaan untuk memulehkan kehidupan orang-orang buta ini memang besar kerana mereka memerlukan institusi-institusi khas yang mesti pula di-lengkapkan dengan alat-alat perkakas latihan dan pelajaran mereka.

Masih ramai di-antara kita yang tidak mengetahui bahawa orang-orang buta itu juga berkebolehan kerana mendapat pelajaran, didekan dan latihan di-institusi-institusi tertentu. Satengah-satengah orang pula kagum melihat orang-orang buta itu boleh membuat sa-suatu walau pun perkara biasa dan orang-orang buta itu di-tuntun oleh mereka bagaikan mereka itu ada-lah manusia luar biasa. Malah ada di-antara

+ Sekolah biasa di-mana kanak-kanak buta belajar sa-iring dengan kanak-kanak chelek. Sila t lihat hal. 154.

(2) Constance White, "Report of Malaysia", The Third Asian Conference on Work for the Blind, Kuala Lumpur: American Foundation for Overseas Blind, 1969, hal. 39.

orang-orang chelek yang memikirkan bahawa orang-orang buta itu patut di-beri sedekah sahaja. Bagi ibu bapa kanak-kanak buta di-kampung-kampung pendalaman pula mereka enggan mendaf-tarkan nama anak-anak mereka dengan Jabatan Kebajikan Masha-rakat; takut anak-anak mereka itu di-apa-apakan.

Memandangkan sikap-sikap ini-lah yang mendorongkan saya membentangkan Latehan Ilmiah ini dengan tujuan dapat-lah semua pihak mengenali, memahami dan mengasehani orang-orang buta.

✓ TUJUAN

Dalam Latehan Ilmiah ini saya chuba menunjukkan melalui penyelidikan di-Sekolah Princess Elizabeth bagaima-na kanak-kanak buta di-beri pelajaran dan didekan, apa-kah jenis-jenis didekan yang di-beri dan siapa-kah orang-orang-nya yang memberi didekan. Semua ini ada-lah dengan tujuan untok melengkapkan diri mereka supaya menjadi anggo-ta masharakat dan warga-negara yang berguna serta pula me-nentang chabaran hidup dengan tidak bergantung kepada belas ikhsan orang-orang chelek malah boleh pula berdikari sa-telah dewasa kelak.

Penyelidikan ini khusus di-jalankan di-Sekolah Princess Elizabeth yang merupakan satu komuniti bersendirii mengandongi 82 orang kanak-kanak buta dan 41 kaki tangan

yang berkhidmat tetap di-institusi ini, termasuk-lah dua orang guru buta.

Latehan Ilmiah ini juga membicarakan sa-takat yang dapat di-kaji; latar belakang murid-murid, sejarah perkembangan sekolah ini juga beberapa aspek didekan di-dalam dan di-luar darjah supaya dapat-lah mereka menyesuaikan diri untuk bergaul dengan kanak-kanak chelek di-Sekolah Perchan-tuman jika dapat mereka meneruskan pelajaran ka-sekolah menengah atau ka-pusat-pusat latehan lain untuk terus mendukung chita-chita hidup di-dalam masharakat chelek.

Beberapa orang bekas murid institusi ini yang berada di-Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah di-temui untuk mendalami kajian penyesuaian sosial (social adjustment) mereka sejak meninggalkan bangku sekolah.

CHARA

Chara-chara menjalankan penyelidikan untuk mendapatkan bahan-bahan ilmiah:-

1. Perbualan dan Temuramah

120 soalan di-sediakan untuk kanak-kanak buta itu dan dari 82 orang hanya 70 sahaja di-pilih kerana yang lebih-nya tidak dapat memberi jawapan yang memuaskan.

Perbualan dan temuramah juga di-buat dengan guru-

guru di-mana sahaja masa terluang dan ini termasuk-lah 2 orang guru buta dan 2 orang guru dari Sekolah Perchantuman (Resource Teacher). 55 soalan di-kemukakan. Dengan ibu-ibu asrama di-sediakan 32 soalan. 50 soalan di-hadapkan kepada Pemangku Pengetua dan 40 lagi kepada Matron dan Ketua Pembantu Rumah (Chief House Assistant). (Sila lihat Lampiran E, F, G, H). Soalan-soalan di-kemukakan juga kepada tiap-tiap orang pekerja di-institusi ini dan kepada sukarelawan-sukarelawan (Voluntary Workers), ibu bapa yang datang melawat, Pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Persatuan Bagi Orang-orang Buta Malaya atau Malayan Association for the Blind (M.A.B.) yang rapat hubungan mereka dengan kanak-kanak di-institusi ini. Bekas murid-murid sekolah ini yang bekerja di-bengkel dan kilang-kilang di-Johor Bahru, yang maseh menuntut di-G.E.A.T.C.⁽⁺⁾ Kuala Lumpur juga sa-orang penuntut buta di-Institusi Teknologi M.A.R.A. telah saya temui. Sa-lain dari mereka di-temui juga beberapa orang bekas murid yang tidak bekerja dan orang-orang buta biasa semata-mata untuk mengukor sikap dan pendapat mereka tentang pergaulan dan penyesuaian diri dengan anggota masyarakat chelek seluruh-nya di-dalam pergaulan hari-hari.

(+) Gurney Evaluation & Adjustment Training Centre. Lebih terkenal dengan nama Pusat Latehan Gurney. Sila lihat halaman 156.

2. Mengkaji laporan, Penyata Kemajuan kanak-kanak dan Buku Pelawat juga Risalah-risalah dan borang-borang yang berhubungan dengan Penyiasatan dan Pendaftaran kanak-kanak dan orang-orang buta.

Kajian ini di-buat dengan melihat sebab dan akibat beberapa kejadian buta, kes-kes tertentu berhubungandengan sikap dan pergaulan kanak-kanak serta latar belakang dan chara hidup mereka.

3. Keutamaan Pendengaran dan Pemerhatian di-dalam kajian serta membuat Rakaman.

A) Mendengar isi perbualan mereka tanpa di-sedari ia-itu perbualan-perbualan sa-waktu hendak tidor, ketika sedar dari tidor waktu pagi dan sa-masa mereka berkelompok berbual-bual. Kemudian menyertai perbualan mereka dan mendengar soalan-soalan yang di-kemukakan.

B) Melihat hasil-hasil pelajaran dan pekerjaan serta hubungan di-antara mereka sa-sama mereka, dengan guru, dengan kaki tangan sekolah dan dengan orang-orang luar. Melihat sikap kedua-dua belah pihak sama ada di-dalam atau di-luar komuniti ini.

4. Memasoki Kelas untok Mengajar

Menggantikan guru-guru kelas sa-lepas pepereksaan penggal pertama dan memerhati serta mendengar gerak geri dan perchakapan juga sambutan mereka terhadap pelajaran, Memasoki darjah 1 A, 3, 4, 5, dan 6. Meninjau lapangan

yang menarik perhatian mereka serta topik-topik yang selalu di-jadikan bahan perbualan. Juga memberi perhatian kepada darjah 1 C, darjah di-mana kanak-kanak yang lemah otak-nya di-tempatkan untok di-beri layanan yang istimewa.

5. Menyertai Permainan dan Perbualan

Waktu petang dan sa-masa lapang mereka di-hujung minggu menyertai permainan mereka di-padang, di-bilek rehat di-cottage (asrama) dan mengikuti permainan dan perbualan mereka dalam kelab-kelab catur dan sosial. Dari sini dapat di-ketahui minat, perasaan dan sikap serta chara-chara mereka menyesuaikan diri.

6. Mengiringi mereka dalam Lawatan, Berkelah dan Membeli-belah, juga Orientasi Mobiliti.

Memerhati gerak-geri dan mendengar kata-kata mereka sa-waktu berada di-luar institusi. Juga di-perhatikan sikap orang-orang yang di-temui.

7. Membawa mereka keluar waktu petang dan hujung minggu juga melawat keluarga orang chelek.

Memerhatikan mereka menyesuaikan diri dengan keadaan yang tidak biasa. Kemudian sa-telah balek meninjau pendapat dan fikiran mereka tentang lawatan dan pertemuan itu.

8. Menghadhiri Perjumpaan Guru-guru, Perhimpunan Mingguan, Latehan Musik dan Sukan.

Menchatetkan bahan-bahan dari perjumpaan guru-guru mengenai soal pelajaran sex, persediaan sukan sekolah dan mendengar pesanan dan ingatan Pemangku Pengetua kepada murid-murid sekolah-nya pada tiap-tiap pagi **Ahad**. Sa-masa latehan-latehan di-jalankan memerhatikan gerak-geri dan mendengar tutor kata mereka.

9. Menggunakan Alat Perakam.

Banyak di-antara temuramah dan perbualan dengan murid-murid, kaki-tangan sekolah dan bekas murid-murid juga perbualan di-antara mereka, di-rakamkan dan bahan yang berkaitan dengan Latehan di-ambil.

10. Belajar Menulis Braille Grade I

Melalui tulisan braille perhubungan dengan murid-murid dan bekas murid sekolah ini dapat di-teruskan dan dengan ini dapat di-tambah bahan-bahan kajian. Saya mempe-lajari braille untuk keperluan surat-menyurat sebab ini adalah satu daripada saloran bagi mereka mengeluarkan perasaan dan menyatakan harapan. Sa-hingga Latehan Ilmiah ini di-tulis mereka maseh berutus-utus surat dengan saya.